

# UMT gerak pembangunan

B4 15/07/08 Pg 26

## Raja Permaisuri Agong mahu universiti bukti keupayaan bantu negara

**K**UALA TERENGGANU: Universiti Malaysia Terengganu (UMT) yang diamanahkan membantu memacu pembangunan dan pertumbuhan Ekonomi Wilayah Pantai Timur (ECER) sudah menubuhkan beberapa pusat khusus bagi menggerakkan pembangunan yang dirancang di ECER, titah Raja Permaisuri Agong Tuanku Nur Zahirah.

Titah Seri Paduka, pusat berkenaan ialah Pusat Latihan Pengurusan Fasiliti, Pusat Pembangunan Sosial, Pusat Biodiversiti dan Oceanografi dan Pusat Kerjasama Industri Akademia.

"Pembabitan UMT dalam program nasional itu membuktikan pengiktiran masyarakat terhadap peranan dan keupayaan institusi berkenaan dalam program pembangunan negara amnya dan negeri Terengganu, khu-


susnya," titah Seri Paduka.

Tuanku Nur Zahirah selaku Canselor UMT bertitah demikian pada majlis Konvokesyen Ke-6 UMT di sini, semalam.

Seramai 1,616 graduan menerima ijazah dan diploma masing-masing pada majlis yang berlangsung selama dua hari itu.

Turut berangkat pada majlis itu ialah Yang di-Pertuan Agong Tuanku Mizan Zainal Abidin yang diiringi Menteri Pengajian Tinggi, Datuk Seri Mohamed Khaled Nordin; Menteri Besar Terengganu, Datuk Ahmad Said; dan Naib Canselor UMT, Prof Datuk Dr Sulaiman Md Yassin.

Seri Paduka bertitah, UMT sentiasa berusaha bagi memenuhi pelbagai tuntutan dan tanggungjawab sosialnya terhadap negara dan komuniti se-tempat.



MENCEMAR DULI: Raja Permaisuri Agong menyampaikan Anugerah Kehormat Doktor Sains kepada Tan Sri Dr Ahmad Mustaffa Babjee pada Majlis Konvokesyen ke-6 UMT, semalam.